

# Lawatan TPM Kedua Arab Saudi penting

BH 24 OCT 2000

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia menyifatkan lawatan rasmi lapan hari Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi, Putera Sultan Abdul Aziz Al Saud, mulai esok sebagai penting dan bersejarah serta bakal mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, lawatan Putera Sultan Abdul Aziz yang juga Menteri Penerbangan dan Pertahanan Arab Saudi amat dialu-alukan Kerajaan Malaysia.

"Ini adalah lawatan bersejarah...(yang) akan membuka lembaran baru untuk meningkatkan hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi," katanya selepas menerima kunjungan hormat Menteri Luar Benin, Adji K Antoine, di pejabatnya di Wisma Putra di sini, hari ini.

Dalam rangka lawatan beliau mulai esok hingga 31 Oktober ini, Putera Sultan Abdul Aziz akan mengadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Beliau juga dijadual ber-

temu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad serta beberapa menteri lain.

Delegasi Putera Sultan Abdul Aziz disertai empat putera Arab Saudi, tiga menteri kanan dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Syed Hamid berkata, Putera Sultan Abdul Aziz juga dijangka memberi taklimat kepada Dr Mahathir dan Abdullah mengenai keputusan Sidang Kemuncak Liga Arab di Ka-

herah hujung minggu lalu.

Mengenai isu Palestin, Syed Hamid berkata, pendirian Malaysia adalah jelas iaitu Israel perlu mengambil usaha utama dengan menamatkan keganasannya terhadap orang awam Palestin.

Beliau berkata, pada masa sama Malaysia menyokong supaya diteruskan sebarang usaha damai secara menyeluruh bagi memberikan rakyat Palestin hak kemerdekaan dan mencapai kedamaian di Timur Tengah.